



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 15 RABU 13 APRIL, 1966 1385 رابو 23 ذوالحججه PERCHUMA

Persidangan Majlis Mashuarat

Daerah Brunei dan Muara:

10 So'alan Mengenai Kenaikan Harga Barang² di-Kemukakan

BANDAR BRUNEI. — Sa-banyak 10 so'alan mulut telah di-kemukakan oleh dua orang Ahli² Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara dalam persidangan-nya di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada hari Khamis, 7 April, 1966.

Majlis itu di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar.

Yang Mulia Awang Hashim bin Saman, Wakil bagi Kawasan Kuala Brunei telah mengemukakan tujuh so'alan dan Yang Mulia Pengiran Mohamed bin Pengiran Lahab, wakil bagi Kawasan Raja Muda telah mengemukakan tiga so'alan.

So'alan² yang di-kemukakan itu ia-lah mengenai kenaikan harga barang² keperluan sehari² yang di-jual di-kedai² dalam Daerah Brunei dan Muara; barang² perkakas rumah seperti meja, kerusi, tilam dan sa-bagai-nya yang di-jual dengan harga² yang mahal.

Ahli² Majlis Mashuarat tersebut telah meminta Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara menasehatkan Kerajaan supaya mengambil langkah untuk mengatasi barang² yang mahal itu.

So'alan² yang di-kemukakan oleh Yang Mulia Awang Hashim bin Saman ada-lah seperti berikut: —

1. Bilakah Kerajaan mengambil langkah untuk mengatasi barang² di-kedai sekarang harga-nya terlampau melambong tinggi?
2. Tiap² hari besar atau Hari Raya kebanyakan harga barang di-kedai misal-nya Tikergetah, Kerusi Meja, Tilam dan bermacam² barang makanan yang lain di-dalam kedai naik-nya sekarang 10 sen, 40 sen, 30 sen atau barang² yang kecil sakurangnya 5 sen, 3 sen?
3. Adakah suruhan Kerajaan kepada orang² China tentang harga² barang di-kedai terlampau melambong tinggi? Kalau tidak, harus Kerajaan mengatasi masa-lah ini supaya mengambil tindakan memberi amaran kepada tiap² sa-buah kedai?
4. Harus Kerajaan mengambil kesimpulan dan kesempatan mengatasi perkara yang sademikian ini dan beriktirad dan berusaha supaya ra'ayat mendapat keselamatan dan keamanan;

(Lihat Muka 8)

Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha Mewakili D.Y.M.M. Di-Istiadat Pertabalan D.Y.M.M. Yang Dipertuan Agong Malaysia

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada hari Ahad 10 April, 1966 sa-bagai mewakili Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin di-Istiadat Pertabalan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Malaysia, Tuanku Ismail Nasiruddin Shah.

Pada tengah hari Sabtu 9 April, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah berangkat dari Brunei ka-Jesseltan dengan kapal terbang dan dari sana Baginda di-jadualkan berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang untuk menghadiri Istiadat Pertabalan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia.

Oleh kerana tidak ada kapal terbang bagi meneruskan perjalanan Duli Yang Maha Mulia ka-Kuala Lumpur pada petang hari itu, maka Baginda telah berangkat kembali ka-Brunei dengan kapal terbang.

Sementara itu, Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji



Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada hari Juma'at 8 April untuk mewakili Kerajaan Brunei di-Istiadat Pertabalan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Malaysia.


Lawatan Pegawai Kebajikan Masharakat Negara Ka-Kampung² di-Tutong

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Kebajikan Masharakat Negara, Awang Salleh bin Haji Masri menyatakan bahawa ada-lah perlu bagi sa-tiap penduduk kampung menanamkan semangat persafahaman antara satu dengan lain.

Beliau menekankan bahawa dengan jalan itu bukan hanya dapat menchiptakan keamanan bagi sa-buah kampung itu, tetapi juga dapat mendatangkan kebahagiaan dan keamanan bagi negeri ini.

(Lihat Muka 8)

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah membeli sa-buah kereta sewa berusia 10 tahun pada masa keberangkatan Baginda ka-United Kingdom baru² ini. Kereta itu telah di-bawa dari England ka-Singapura dalam sa-buah kapal dan dari Singapura pula kereta itu di-bawa ka-Brunei dalam kapal "Larut". Dalam gambar ini kelihatan kereta itu setelah di-punggah dari kapal tersebut ka-Tambatan Kastam Diraja, Bandar Brunei.



CHERPEN MENGAMBIL PERANAN PENTING DI-DALAM USAHA PERKEMBANGAN PEMAKAIAN BAHASA

- Kata Pengarah D. B. P.

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil berkata bahawa Chermen adalah mengambil satu peranan yang penting di-dalam usaha memperkembangkan pemakaian bahasa.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil berkata demikian sa-belum beliau menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam Peraduan Mengarang Cherita Pendek (Chermen) Untuk Bachaan Kanak2 di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at 8 April, 1966.

Peraduan Chermen itu telah di-adakan di-bawah anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei dengan memperolehi sambutan yang baik dari kalangan penulis2 Chermen di-negeri ini.

Ramai peminat2 Bahasa dan Chermenis, telah hadir di-majlis tersebut, di-antara-nya ia-lah Doktor Pangkat Harahap, sa-orang Pegawai dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Dalam ucapan tersebut, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil menegaskan bahawa dari Chermen itu pembacha2 akan dapat mengetahui berbagai2 jenis ilmu pengetahuan, terutama sa-kali dalam hal masyarakat dan penghidupan.

PERANAN CHERPENIS

Chermenis pula akan dapat menyampaikan hasrat hati mereka tentang susunan kemasyarakatan yang baik untuk tatapan dan panduan anggota masyarakat.

"Maka dengan hakikat inilah Dewan Bahasa dan Pustaka menganjurkan peraduan, demi menggalakkan peminat2, penulis2 Tanah Ayer mencheborkan diri dalam alam penulisan untuk santapan bukan sahaja masyarakat dalam negeri, bahkan di-mana2 sahaja mereka itu dapat memberi kerjasama kepada hasrat Kerajaan untuk memperkembangkan penggunaan Bahasa Melayu sa-bagaimana

termaktub dalam Perlembagaan, bahawa BAHASA MELAYU ada-lah BAHASA RASMI NEGARA dalam segala lapangan pekerjaan", kata beliau.

Selanjut-nya beliau berkata bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka telah menubuhkan satu chawangan yang di-namakan BAHAGIAN PERKEMBANGAN BAHASA yang akan bekerja dan bertugas untuk memperluas perkembangan Bahasa Melayu di-seluruh negeri, dapat di-ikuti dan di-amalkan oleh seluruh raya'at dalam semua lapangan penghidupan.

Ketika berucap mengenai peraduan Chermen yang di-anjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil berkata bahawa tujuan Dewan Bahasa dan Pustaka mengadakan Peraduan Mengarang Chermen untuk Bachaan Kanak2 itu, ia-lah untuk melaksanakan sa-bahagian daripada Dasar dan Tujuan Dewan Bahasa dan Pustaka dan kerja2 yang di-jalankan oleh Badan Perkembangan Bahasa itu.

TAHNIH

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil telah menguchapkan tahniat kepada penulis2 yang berjaya dalam peraduan mengarang Chermen itu.

Kapada penulis2 yang tidak berjaya dalam peraduan itu pula, beliau telah menguchapkan berbanyak2 terima kasih terhadap sumbangan mereka untuk menjayakan peraduan tersebut.

Walau pun mereka tidak berjaya dalam peraduan mengarang Chermen itu, kata lagi beliau, mereka telah menunjukan tekad menchuba dan menchuba untuk menyumbangkan tenaga mereka kepada Kerajaan dalam pengamalan pemakaian Bahasa Melayu.

"Dengan contoh yang baik ini", sambong beliau, "hendak-

lah di-ambil perhatian berat oleh penduduk2 negeri bahawa mereka mempunyai tanggungjawab terhadap PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU".

MENGAMALKAN

PEMAKAIAN BAHASA MELAYU

Maka dengan hal yang demikian, beliau telah berseru kepada orang ramai dan warga negara negeri ini, supaya mengamalkan pemakaian Bahasa Melayu dalam semua lapangan pekerjaan.

Kapada Ketua2 Jabatan Kerajaan, beliau telah berseru supaya mereka menyedari dan menurut HASRAT KERAJAAN untuk mengamalkan pemakaian Bahasa Melayu dalam semua lapangan pekerjaan.

Beliau juga berharap supaya Ketua2 Jabatan dan Gedong Perniagaan itu memberi arahan2 yang sa-wajar-nya kepada orang2 di-bawah jagaan mereka tentang hakikat pemakaian Bahasa Melayu.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil seterusnya berkata bahawa untuk melancarkan penggunaan Bahasa Melayu dalam semua lapangan pekerjaan, semua orang mesti-lah tahu bahasa itu dan kalau mereka tidak tahu, mesti-lah mereka belajar dari sekarang juga.

"Jadi so'al-nya sekarang ia-lah "mau" dengan "tidak mau" belajar saja. Saya anjurkan kepada orang2 ini, kalau mereka ingin mengikut hasrat Kerajaan dan bekerjasama dengan-nya, mereka hendak-lah mempelajari Bahasa Melayu supaya dapat nanti mereka turut mendukung dan membantu niat Kerajaan hendak menjadikan Bahasa Melayu alat saloran semua lapangan pekerjaan dalam negeri ini", kata beliau.

Keputusan Peraduan Trengkas, Menaip dan Ilmu Menyimpan Kira2 Bagi Akhir Tahun 1965

BANDAR BRUNEI. — Penuntut2 yang telah lulus dalam Peperiksaan Trengkas, Menaip dan Menyimpan Kira2 (Book-keeping) yang di-adakan di-Bandar Brunei dan di-Kuala Belait pada 12 Disember, 1965 di-bawah anjoran Trengkas Melayu Institute Malaya bagi akhir Tahun 1965, ada-lah seperti berikut: —

MENAIP: *Peringkat Menengah:*

1. Ak. Othman bin P. Ismail;
2. Suib b. H. Noor; 3. Awang Saban bin Aman; 4. Abdullah b. Ismail; 5. Othman b. Damit dan 6. Mohd. Tahir bin Metasan.

MENAIP: *Peringkat Permulaan:*

1. Dk. Rosnah bte. P. Bakar; 2. Ak. Mahalee b. P. Damit; 3. Ak. Md. Yassin b. P. Ahmad; 4. A. Mashud bin A. Damit dan 5. Dk. Hairani binte P. Muda Kahr.

ILMU MENYIMPAN KIRA2

(BOOK-KEEPING): Sablee bin Haji Metussin.

TRENGKAS: *Peringkat Menengah:*

1. Mohd. Hussein bin Hasan, kepantasan 80 p.s.m.; 2. Sidek bin Abd. Hamid, kepantasan 100 p.s.m.; 3. Abdul Karim bin A. Kadir, kepantasan 80 p.s.m.; 4. Duming bin Abd. Wahab, kepantasan 70 p.s.m.

TRENGKAS: *Peringkat Permulaan:* 1. Abd. Latif bin Mohd. Noor, kepantasan 60 p.s.m.; 2. Md. Yusof bin Dulamin, kepantasan 50 p.s.m.; 3. Awangku Othman bin P. Ismail, kepantasan 50 p.s.m.; 4. Muhamad bin Cheku, kepantasan 50 p.s.m.; 5. Rokiah bte. Md. Hussain, kepantasan 50 p.s.m.; 6. Ahmad bin Hussain, kepantasan 50 p.s.m.; 7. Md. Daud bin Taha, kepantasan 50 p.s.m.

Sementara itu ada-lah dima'alumkan kapada semua penuntut2 yang suka mengambil bahagian dalam Peperiksaan Trengkas, Menaip dan Ilmu Menyimpan Kira2 bagi pertengahan tahun 1966 peperiksaan itu akan di-adakan pada 12 Jun, 1966.

Permohonan2 mengenai perkara ini hendak-lah menggunakan borang2 yang tertentu yang boleh di-dapati daripada Guru2 Trengkas, Menaip dan Ilmu Menyimpan Kira2 a t a u di-Pejabat Pelajaran, Brunei.

Permohonan2 hanya akan di-layan apabila di-sampaikan ka-Pejabat Pelajaran pada atau sa-belum 30 April, 1966.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 13 April hingga ka-hari Selasa 19 April, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
	13	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	4-59	6-14
	14	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	4-59	6-14
	15	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	4-59	6-14
	16	12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12
	17	12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12
	18	12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12
	19	12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

PEGAWAI PENYIARAN DAN PENERANGAN DARI BRUNEI MELAWAT KILANG ARANG BATU DI-U.K.



Ramai Penuntut² Brunei Berjaya Dalam Peraduan Lukisan di-England

BANDAR BRUNEI — Penu-long Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Peker-ma Dewa Awang Lukan bin Uking telah menyampaikan Sijil² Kepujian dan hadiah² dari Jabatan Pelajaran kepada ramai bilangan penuntut² Sekolah yang berjaya dalam Peraduan Lukisan Kanak² dari negara² Komonwealth dan United Kingdom pada tahun 1965.

Majlis tersebut telah di-adakan di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada pagi 28 Mach, 1966.

Lebih daripada 30,000 orang telah menyaksikan Pesta Pamiran Lukisan Kanak² dari Negara² Komonwealth itu bagi tahun 1965 yang telah di-adakan di-Royal College of Arts, London dan Cardiff dari 16 September, 1965 hingga ka-16 Oktober, 1965 dan juga di-Gateshead, Durham dalam bulan Januari tahun ini.

Jabatan Pelajaran Brunei telah menghantarkan 50 buah

lukisan dari penuntut² Sekolah² Melayu, Inggeris, Missi dan China serta pelukis² persa-orangan untuk di-pamirkan di-pamiran tersebut. 22 buah daripada lukisan² itu telah mendapat kepujian.

Uchapan² telah di-sampaikan di-majlis tersebut oleh Penulong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Peker-ma Dewa Awang Lukan bin Uking; Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Awang Noordin bin Abdul Latiff dan Nadzir Kesenian, Awang Md. Sum bin Hashim.

CHATETAN:—Jabatan Pelajaran telah menerima banyak lukisan² oleh penuntut² dari Sekolah² Melayu, Inggeris, Missi dan China serta pelukis² persa-orangan untuk di-pamirkan di-Pamiran Lukisan Kanak² dari Negara² Komonwealth pada 4 Mei, 1965.

Lukisan² tersebut telah di-pileh oleh sa-buah Jawatan Kuasa yang terdiri dari enam orang dan kemudian-nya di-kirimkan kepada "Sunday Mirror Children's Art from the Commonwealth Exhibition" di-London, England yang menganjur Pesta Pamiran tersebut.

BERAKAS. — Pegawai Pen-nyiaran dan Penerangan Daerah Brunei, Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang dari United Kingdom baru² ini sa-lepas menghadhiri satu Kursus berkenaan dengan Penubohan dan Pekerjaan² Teknik serta berbagai² perkara yang bersangkutan paut dengan Pekerjaan² Rasmi Perkhidmatan² Penerangan di-United Kingdom selama kira² tiga bulan.

Semasa menghadhiri kursus tersebut, Pengiran Haji Puteh telah di-beri peluang untuk melawat beberapa buah tempat di-Great Britain untuk mempelajari "latar belakang" pekerjaan rasmi Bahagian² Penerangan dan Perhubungan Raya.

Ini-lah kali kedua Pengiran Haji Puteh melawat ka-United Kingdom. Beliau telah melawat ka-Tanah Arab, Amerika Sharikat, Timor Jauh, Afrika dan ka-lain² negeri pada masa yang lalu.

Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Pegawai Penyiaran dan Penerangan, Daerah Brunei kelihatan dalam gambar ini (di-barisan hadapan, bilangan ketiga dari kiri) bersama² dengan Pegawai² Penerangan dari Hong Kong, Uganda dan Tanzania serta beberapa orang yang lain ketika beliau melawat ka-Kilang Arang Batu Brynlliw di-Wales semasa menghadhiri Kursus Penerangan di-bawah anjoran Pejabat Pusat Penerangan, London selama kira² 3 bulan—Gambar dengan ehsan P.P.P. London.

SAMBUTAN HARI RAYA HAJI DI-KAMPONG PANDAI BESI

KAMPONG PANDAI BESI. — Penduduk² Kampong Pandai BESI "B", Kampong Ayer, Brunei telah menyambut Hari Raya Haji bertempat di-Sekolah Melayu dan Ugama Kampong Pandai BESI "B" pada petang Hari Raya Haji tahun ini.

Di-antara achara² yang telah di-adakan ia-lah Persembahan Nashid oleh kanak² perempuan kampong tersebut; serta Peraduan Bacha'an Al-Koran, terbuka kepada Kanak² Lelaki dan Perempuan dan juga Orang² Dewasa Lelaki dan Perempuan.

Ketua Kampong Pandai BESI "B" Awang Abu Bakar bin Md. Yassin telah menyampaikan hadiah² kepada pemenang² dalam Peraduan Bacha'an Al-Koran di-majlis tersebut.

Gunakan-lah
Bahasa
Melayu



Ahli2 dari persatuan2 Belia di-daerah Brunei kelihatan sedang bekerja dengan sukarela untuk menyiapkan sa-buah rumah bagi sa-orang tua di-Kampung Sumbiling tidak berapa lama dulu.

SA-BUAH bangunan yang di-gelar PUSAT BELIA akan di-dirikan oleh Kerajaan tidak berapa lama lagi bertempat di-Barangan, berdekatan dengan Kampung Kianggeh yang menelan belanja hampir dua juta ringgit.

Langkah ini di-ambil ia-lah berikutan dengan pesat-nya pergerakan Persatuan2 Belia di-negeri ini dan munchul-nya beberapa buah persatuan2 belia yang baharu.

Pengelola Persatuan2 Belia sa-Negeri Brunei, Awang Zul-

kiflie bin Haji Abdullah ketika di-tanya berpendapat bahawa tenaga belia bagi sa-sabua negeri ada-lah satu2-nya alat yang terpenting bagi mengujudkan keamanan dan kema'moran yang terbit dari rasa muhibbah dan tanggung jawab yang besar ma'ana-nya terhadap masyarakat dan negara.

BELIA

TONGKAT NEGARA

"Belia2 yang sedar akan tanggungjawab2 yang penting itu boleh-lah di-sifatkan sabagai "tongkat" negara dan belia2 yang tidak menyedari

akan tanggung jawab-nya adalah bakal penerbit pertentangan dalam satu2 jurusan yang tertentu." tegas Awang Zul-kiflie.

Tidak-lah berlebihan kalau kita katakan bahawa belia2 baik lelaki mahupun wanita itu dengan tidak di-sedari masing2 mempunyai peranan yang luas bidang-nya terhadap negara dan masyarakat.

Jadi, harus-lah sa-tiap tuboh badan belia2 di-negeri kita ini mempelajari dan memahami mengapakah mereka itu penting dan apakah tanggung jawab mereka terhadap masyarakat dan negara.

TENAGA RAKSASA

Pernah pemimpin2 dunia mengiktiraf dalam ucapan2 mereka yang di-titikan oleh surat2 khabar dan radio bahawa tenaga belia ada-lah tenaga raksasa dan kalau di-salah gunakan boleh membawa kemuraman sa-sabua negara dan jika sabalek-nya membawa sinar gemilang dan harum sa-panjang masa.



Pegawai Kebajikan Masyarakat memberi penerangan kepada tugas2 jabatan-nya terhadap masyarakat. Dayang Marhani binte Abdul-

BELIA DA

Brunei, walaupun tidak sa-gagah negeri2 yang dunia ini, tetapi mempunyai yang mempunyai semangat berkubar2 dalam membentuk masyarakat-nya ka-arrah kesedaran hidup dan berusaha menegakan "aman dan makmor" mereka yang di-chintai.


Satu pandangan berat di-rajaan terhadap belia dan rakan-nya telah di-ambil dan reka di-beri pimpinan yang menuju ka-matalamat "belia bertanggung jawab".

SEMINAR BELIA

Dengan menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat, usaha2 telah diambil dengan mengadakan Seminar Pertubuhan Belia2 Sa-Negeri dalam tahun 1962 (Seminar Belia2) 3 hari dengan sambutan dan dukungan yang nakjubkan dari kalangan masyarakat negeri ini.

Hasil dari seminar itu, sa-tiap belia telah di-metrikkan di-jiwa bahawa mereka sentiasa ber-bahu dengan kerajaan dalam jayakan satu2 rancangan besar faedah-nya bagi masyarakat.

Dari sejak itu, kesedaran



Bentuk bangunan Pusat Belia yang di-jangka akan siap pada awal tahun 1968.




Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin P.U.K. Hj. Omar, Yang Di-Pertua Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei.




Gambar ini menunjuk



leh bin Haji Masri ketika
-Kampung Telisai tentang
-sabelah kiri beliau ia-lah
Luar di-Jabatan tersebut.



Ini-lah bangunan Rumah Persatuan Melayu Keriam, Tutong yang selalu
menjadi tumpuan pertunjukan2 anika hiburan dan perjumpaan2 beliau2
di-kampung tersebut.



Awang Zulkiflie Haji Abdullah,
Pengelola Persatuan2 Belia Negeri
Brunei.

KEWAJIPAN TERHADAP NEGARA

ul dan sa-buah demi sa-buah
atuan beliau muncul menam-
an diri yang tujuan-nya ada-
serupa ia-itu meninggikan taraf
p masyarakat dan memimpin
arajat hidup berbaik2 dan
gelakkan diri dari anasir2 yang
merosak perpaduan ra'ayat.
itu lagi langkah yang besar
di-lakukan oleh Jabatan Ke-
an Masyarakat dalam mena-
kan semangat kesedaran ter-
ap negara, bangsa dan ugama
alangan beliau2 negeri ini.

langkah itu ia-lah dengan me-
lakan Kursus Pemimpin2 Belia
m tahun 1965 yang menelan
sa-lama satu minggu bertem-
di-Maktab Anthony Abell.

IKRAR BERSATU

tu lagi hasil yang baik telah
apati apabila pemimpin2 beliau
berikrar bersatu padu dan
gerakan hubungan mereka di-
roh negeri dalam matalamat
anamkan kesedaran bernegara,
sa-bagai angkatan yang sedar
angsa dan beragama dan ber-
g mewakili zaman-nya.

ereka juga telah bersama2 ber-
dalam memimpin masyarakat
arah hidup berbaik2 dengan
k mengira bangsa dan agama
pi hidup di-bawah panji2 Brunei

Darul Salam dan mengekalkan ke-
amanan dan kema'amoran-nya sa-
panjang masa.

*Yang Amat Berhormat Menteri
Besar, Dato Seri Paduka Marsal
pernah berkata ketika merasmikan
pembukaan Kursus Belia di-Seria
bahawa perasaan malas berfikir
dan bertindak tiada-lah tempat-nya
untuk pemuda pemudi dalam zaman
atom ini. Mereka mesti-lah hidup
untuk menerima chabaran yang da-
tang dan sentiasa bersedia untuk
menghadapi-nya.*

KESEDARAN

Kesedaran yang dapat kita rasa-
kan di-kalangan beliau2 sekarang
ini memang tidak boleh di-nafikan
dan mereka benar2 memberikan
kerjasama yang di-harap2kan oleh
Kerajaan dan semoga kerjasama itu
akan kekal.

Ketika Negeri Brunei di-serang
oleh wabak penyakit kolera, beliau2
negeri ini dengan tidak banyak bi-
chara telah keluar beramai2 dan
memberi pertolongan kepada Jabat-
an Kebajikan Masyarakat dan Jabat-
an Perubatan dan Kasehatan dalam
berbagai2 lapangan kerja seperti
menghantar barang2 makan kepada
orang2 yang di-kenakan kurantin
dan menjaga orang2 yang di-tahan
kerana penyakit itu dengan tidak
mengira siang dan malam.

Baharu2 ini, persatuan2 beliau

di-Bandar Brunei telah bergotong-
royong membangunkan rumah sa-
orang tua di-Kampung Sumbiling
dan menyempurnakan sa-hingga
orang tua itu menduduki rumah
tersebut.

Atas semangat mereka memper-
baiki taraf hidup masyarakat telah
di-sanjong tinggi oleh Pegawai Ke-
bajikan Masyarakat, Awang Salleh
bin Haji Masri dan beliau meng-
ucapkan sa-tinggi2 terima kaseh.

Beliau berharap, semangat serupa
itu akan tetap bertakhta di-lubok
jiwa sa-tiap beliau2 di-negeri ini
yang tujuan-nya utama ia-lah men-
chintai pada hidup yang bahagia
dan tidak rela melihat masyarakat
kita hidup terumbang ambing sa-
hingga meminta sedekah.

PERKEMBANGAN

Menyebut mengenai perkemban-
an beliau di-negeri ini, Pengelola
Persatuan2 Belia Sa-Negeri Brunei,
Awang Zulkiflie bin Haji Abdullah
menyatakan bahawa sa-takat ini
sa-banyak 43 buah persatuan2 telah
ada berdaftar di-Jabatan Kebajikan
Masyarakat.

Bilangan persatuan2 beliau itu
ada-lah terdiri dari 27 buah di-
Bandar Brunei termasuk Majlis Pe-
muda Pemudi, di-Tutong 9 buah,
Belait 5 buah dan 2 buah di-daerah
Temburong, serta sa-buah lagi per-
satuan yang di-tubuhkan oleh beliau2

Brunei di-luar negeri ia-itu Persa-
tuan Penuntut2 Brunei di-United
Kingdom.


BANTUAN KERAJAAN

Ketika di-tanya mengenai ban-
tuan kewangan yang di-beri oleh
Jabatan Kebajikan Masyarakat,
Awang Zulkiflie menyatakan bahawa
bantuan itu hanya-lah sa-bagai me-
ringankan perjalanan persatuan2
tersebut dan bantuan itu tidak-lah
di-berikan jika tidak dengan mem-
punyai alasan2 yang chukup.

Awang Zulkiflie menasehatkan
bahawa jangan-lah tiap2 persatuan
sa-mata2 mengharap bantuan
dari Kerajaan, baidkan beliau2 sa-
harus-nya menyediakan diri untuk
membantu kerajaan bagi kebaikan
masyarakat dan negeri, sesuai de-
ngan dasar dan tujuan pokok per-
satuan2 sukarela.

"Kerajaan sentiasa melihat pada
kemajuan dan perkembangan beliau2
dan bersedia memberi pimpinan
dan tunjuk ajar yang di-kehendaki
oleh sa-sabuah persatuan" kata-nya.

Namun demikian, beliau memuji
semangat yang ada pada beliau2 di-
negeri ini yang telah menampakkan
kechenderongan masing2 untuk
membimbing masyarakat ka-arah
kesempurnaan hidup.



at Persatuan Belia Seria yang juga di-gelar Balai Raya di-bawah
Majlis Perkhidmatan Masyarakat Daerah Belait.



PERDA ia-lah sa-buah persatuan yang bergerak chergas di-Daerah
Tutong untuk kebajikan masyarakat. Gambar ini kelihatan ahli2-nya
sedang memunggah barang2 makan yang di-pesan oleh tuan rumah
ini dari Kedai Sharikat Bekerjasama yang di-jiwai oleh persatuan itu.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG:

Di-Pejabat Siaran Radio Dan Penerangan

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Siaran Radio dan Penerangan, Brunei:—

(a) PENYELENGGARA SETOR

TINGKAT I:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mengetahui dengan mahir-nya alat2 pengganti bagi alat2 Pemanchar Radio dan kelengkapan studio termasuk alat2 perakaman dan penerimaan, dan mesti-lah pandai menetapkan alat2 pengganti tersebut.

Pemohon2 mesti-lah berpengalaman selama sekurang2-nya, lima tahun dalam kerja2 setor serta peratoran2-nya serta berkebolehan menjaga semua setor2 sechra terator dan berekonomi.

Pemohon2 mesti-lah juga mengetahui chara2 mengambil kiriman2 kelengkapan2 baharu dari sharikat2 perkapalan atau penerbangan.

Mereka mesti-lah juga tahu menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris dan bertutur dalam kedua2 bahasa dengan lancar.

Gaji:—Dalam sukatan D.4 \$500x20 - 620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

(b) TUKANG PANJAT (RIGGER).

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mesti-lah boleh memanjat tiang2 untuk menjalini kerja2 pemereksaan dan kerja2 pembaikan, dan boleh mengikat alat2 kelengkapan pada tali2 dawai serta mengetahui berbagai2 alat tali temberang (mast stays).

Pengalaman dalam kerja mendirikan tiang2 yang menggunakan tali temberang ada-lah satu keuntongan.

Gaji:—Dalam sukatan E.1 - 2 EB.3 \$200x10 - 270/EB/280x10 - 330. Gaji permu-

laan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 28 April, 1966.

Pegawai Pentadbir Kedet

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari chalon2 Melayu yang di-peranakan di-Brunei serta menjadi ra'ayat DYMM Sultan dan mempunyai Sijil Persekolahan Seberang Laut atau kelayakan yang sebanding dengan-nya untuk di-lantek sebagai Pegawai Pentadbir Kedet (Administrative Cadet), Brunei. Chalon2 mesti-lah berumur diantara 18 dan 27 tahun.

Tingkatan Gaji:

Kedet (a) \$330x15-360.

(b) \$380x20-420.

B.A.S. Tingkat II \$630x30 -990.

B.A.S. Tingkat I \$1020x40 -1620.

Sharat2 Lantekan:

Pemohon2 yang di-pileh akan di-lantek sechra perchubaaan selama dua tahun. Sebelum di-tetapkan di-dalam jawatan B.A.S. Tingkat II chalon2 yang berjaya ada-lah dikehendaki lulus peperiksaan2 yang tertentu dalam Undang2 dan "General Orders".

Permohonan2 daripada Pegawai2 yang sedang berkhidmat mesti-lah di-kirim melalui Ketua2 Pejabat masing2.

Sampol surat yang berisi permohonan mesti-lah bertanda "Permohonan bagi B.A.S." diatas sebelah kiri sampol. Salinan2 sijil dan surat akuan sahaja yang mesti di-sertakan.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 14 April, 1966.

Pemandu Outboard Di-Pejabat Kastam

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Pemandu Outboard Tingkat II di-Pejabat Kastam, Brunei.

Kelayakan2: Pemohon mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut selama 3 tahun dalam sebarang sungai di-daerah Brunei dan Muara serta boleh memperbaiki kerosakan2 kecil jentera motor sangkut.

Gaji: Dalam sukatan gaji F2 EB3 \$180x5 - 195/EB/200x5 - 220.

Permohonan2 yang mesti di-penohi dalam borang2 yang boleh di-perolehi dari Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 28 April, 1966.

Penulong Pegawai Istilah, Perkamusan dan Penyelidek

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Penulong Pegawai Istilah, Perkamusan dan Penyelidek di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2:—Pemohon2 mesti-lah dari orang Melayu yang berkelulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut/Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu dengan mendapat kepujian dalam bahasa Melayu dan Inggeris, atau mempunyai kelayakan2 yang sebanding dengan-nya.

Mereka yang mempunyai pengalaman dalam bidang

Istilah sa-lama 2 tahun sebagai tambahan kepada kelayakan2 yang di-kehendaki, akan di-beri keutamaan.

Gaji:—Dalam sukatan gaji D.3 EB.4 - \$380x20 - 480/EB/520x20 - 620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:—Kontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:—Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap

berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 14 April, 1966.

Jawatan Kosong Sebagai

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pengelola Ranchangan Inggeris di-Pejabat Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Kelayakan2 Persekolahan:

Sijil Persekolahan Seberang Laut atau pun kelayakan yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris.

Kelayakan2 Professional:

Mesti-lah mempunyai pengalaman dalam bidang siaran radio dalam mengadakan dan menyiarkan ranchana2 dalam bahasa Inggeris selama sekurang2-nya tiga tahun.

Chalon2 yang mempunyai kelayakan2 persekolahan yang sesuai serta berpengalaman sebagai ahli musik, pelakon atau penulis, seba-

Pengelola Ranchangan Inggeris Di-Radio Brunei

gai ganti kepada kelayakan2 yang tersebut di-atas, akan juga di-pertimbangkan.

Chalon2 akan di-uji untuk menentukan sama ada mereka sesuai untuk jawatan ini.

Gaji: Dalam sukatan mata wang Malaysia \$660x30 - 900. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Chalon yang berjaya akan di-lantek sebagai Pengelola Ranchangan Inggeris dan akan bertanggung jawab kepada Ketua Pengelola Ranchangan bagi mengeluarkan ranchangan2 untuk bahagian Inggeris.

Sharat2 Lantekan:

Sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan

kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 9 Mei, 1966.

SOKAN DAN OLAH RAGA

SOKAN SEKOLAH2 MELAYU

SOKAN antara Sekolah2 Melayu atas anjoran Jabatan Pelajaran Brunei, di-bahagikan kepada 4 kumpulan murid laki2 dan 2 kumpulan murid perempuan2.

Peringkat umur tiap2 kumpulan ada-lah seperti berikut:—

1. *Kumpulan Laki2 "A"*: Peringkat umur di-lahirkan dalam tahun 1949 ka-bawah ia-itu berumur 16 tahun ka-atas.

2. *Kumpulan Laki2 "B"*: Peringkat umur di-lahirkan dalam tahun 1950 dan 1951 ia-itu berumur 15 dan 14 tahun.

3. *Kumpulan Laki2 "C"*: Peringkat umur di-lahirkan

dalam tahun 1952 dan 1953 ia-itu berumur 13 dan 12 tahun.

4. *Kumpulan Laki2 "D"*: Peringkat umur di-lahirkan dalam tahun 1954 ka-atas ia-itu berumur 12 tahun ka-bawah.

5. *Kumpulan Perempuan "A"*: Peringkat umur di-lahirkan dalam tahun 1951 ka-bawah ia-itu berumur 14 tahun ka-atas.

6. *Kumpulan Perempuan "B"*: Peringkat umur di-lahirkan dalam tahun 1952 ka-atas ia-itu berumur 14 tahun ka-bawah.

JENIS SOKAN BAHAGIAN LAKI2

1. Lari 100 meter; 2. Lari 200 meter; 3. Lari 400 meter; 4. Lari 800 meter; 5. Lari 1,500 meter; 6. Lari berganti2 100mx4.

oleh

Awang Md. Hussain Zainal

7. Lari lompat pagar 110 meter.

8. Lompat Tinggi; 9. Lompat Jauh; 10. Lompat Kijang; 11. Lompat Bergalah; 12. Lempar Piring; 13. Lontar Lembing; 14. Buang Peluru.

BAHAGIAN PEREMPUAN

1. Lari 100 meter; 2. Lari 200 meter; 3. Lari 400 meter; 4. Lompat Pagar 80 meter; 5. Lompat Tinggi.

6. Lompat Jauh; 7. Buang Peluru; 8. Lontar Lembing; 9. Lempar Piring; 10. Lari berganti2 100mx4.

Perlawanan2 Peringkat Daerah kerana memilih perwakilan dari Daerah masing2 untuk masuk ka-pertandingan perlawanan Peringkat Negeri, yang di-jalankan pada minggu ini ada-lah seperti berikut:—

1. PADA 11 APRIL, 1966. Perlawanan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I, bertempat di-Padang Sekolah Melayu SMJA. Perlumbaan di-adakan pada waktu pagi dan petang.

2. PADA 13 APRIL, 1966. Perlawanan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II, bertempat di-padang Sekolah Melayu Sengkuring. Perlumbaan di-adakan pada waktu pagi dan petang.

3. PADA 14 APRIL, 1966. Perlawanan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong II, bertempat di-padang Sekolah Melayu Abd. Rashid Tanjong Maya Tutong. Perlumbaan di-adakan pada waktu pagi dan petang.

4. PADA 15 APRIL, 1966. Perlawanan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei III; bertempat di-Padang Sekolah Melayu Pengkalan Batu. Perlumbaan di-adakan pada waktu pagi dan petang.

5. PADA 16 APRIL, 1966. Perlawanan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Belait; bertempat di-Padang KBRC. Belait, perlumbaan di-adakan pada waktu pagi dan petang.

6. PADA 17 APRIL, 1966. Per-

lawanan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Temburong; bertempat di-padang Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, Temburong, perlumbaan di-adakan pada waktu pagi dan petang.

LAWATAN PASOKAN2 MACHINDA KA-BRUNEI

Machinda Club Miri, Sarawak, Malaysia telah mengadakan perlawanan2 persahabatan di-Bandar Brunei pada 8 dan 9 April, 1966.

Rombongan Machinda itu ia-lah sa-ramai 30 orang. Selama mereka berada di-Brunei Persekutuan Guru2 Melayu Brunei menjadi tuan rumah.

Perlawanan2 persahabatan yang telah di-adakan ada-lah seperti berikut:—

HOKI

PADA 8 APRIL, 1966: Perlawanan Hoki bermain dengan Pasokan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, bertempat di-Padang Besar Bandar Brunei, keputusan-nya dimenangi oleh Pasokan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dengan 3 gol berbalas 2.

PADA 9 APRIL, 1966: Tiga jenis perlawanan persahabatan di-adakan ia-itu:—

SEPAK RAGA

(a) *Waktu Pagi*: Perlawanan Sepak Raga Jaring; sebanyak 5 set. Pasokan Bandar Brunei terdiri daripada 3 Pasokan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, 1 Pasokan Perkhidmatan Bomba dan 1 Pasokan Kampong Sumbiling; keputusan-nya kelima2 Set dimenangi oleh Pasokan Brunei.

BOLA SEPAK

(b) *Waktu Petang*: Perlawanan bola sepak di-antara Machinda dengan Pasokan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, bertempat di-padang Bandar Brunei, keputusan-nya di-menangi oleh Pasokan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dengan 7 gol berbalas 4.

BULU TANGKIS

(c) *Waktu Malam*: Perlawanan Bulu Tangkis di-antara Machinda dengan Pasokan Champoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dan Belia Sengkuring, bertempat di-gelanggang Awang Ahmad Mudim Bakar Sengkuring. Keputusan-nya Pasokan Brunei menang dengan 4 perlawanan berbalas 1.

Pada 7 April, 1966, di-adakan satu Perlawanan bola sepak sa-chara persahabatan antara Pasokan Champoran Bandar Brunei dengan pasokan 51 Brig. (British Other Rank) bertempat di-Padang Bandar Brunei.

Keputusan-nya Pasokan 51 Brigade menang dengan 4 gol berbalas 3.

Jawatan Kosong:

Di-Perkhidmatan2 Bomba Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari Pegawai2 yang berkhidmat dalam Jawatan Tetap Perkhidmatan Kerajaan Brunei yang menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bagi jawatan Pelatih untuk jawatan Timbalan Pengawal Perkhidmatan2 Bomba, Brunei.

Umur pemohon2 hendaklah di-antara 25 dan 28 tahun.

Mereka mesti-lah lulus Peperiksaan Sijil Persekolahan Senior Cambridge atau sa-bandingan dengan-nya dalam Bahasa Inggeris dan juga mereka mesti-lah lulus Peperiksaan Darjah Lima Sekolah Melayu.

Pemohon2 juga mesti-lah mempunyai pengalaman lima tahun dalam hal ehwal pertadbiran Kerajaan.

Pemohon2" ada-lah di-kehendaki mempunyai tuboh badan yang sehat sebagaimana yang di-kehendaki untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan2 Bomba.

Sa-orang chalon yang di-pilih, hendaklah lulus peperiksaan Darjah Latehan Pegawai yang akan di-adakan di-negeri ini dan juga ia ada-lah di-kehendaki berlateh di-luar negeri. Masa latehan itu ia-lah selama dua tahun.

Gaji: Pada masa latehan — Sukatan Pegawai Steshen P5 \$370x10 - 410. Sa-telah tamat latehan dengan jaya-nya dan di-naikkan ka-pangkat Timbalan Pengawal Perkhidmatan2 Bomba gaji itu ia-lah \$1020 sa-bulan dalam Sukatan Gaji \$1020x40 - 1260/EB/1300x40 - 1540 (Scale P9EB10).

Sa-orang chalon yang berjaya, semasa bertukar jawatan,

dan gaji-nya lebeh daripada gaji Pegawai Steshen yang di-adakan itu, akan terus mendapat gaji jawatan-nya yang lama dengan di-naikkan gaji pada tiap2 tahun sa-hingga ia di-lantek menjadi Timbalan P e n g a w a l Perkhidmatan Bomba.

Pada masa latehan, sa-orang chalon yang di-pilih dan di-naikkan pangkat menjadi Timbalan Pengawal Perkhidmatan2 Bomba akan berada dalam latehan selama satu tahun sa-belum jawatan-nya itu di-sahkan. Masa ini akan di-kurangkan atau pun di-lanjutkan oleh Pengawal Perkhidmatan2 Bomba, terta'alok kepada persetujuan Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

Sa-kira-nya chalon itu tidak lulus peperiksaan yang di-se-diakan itu atau pun ia tidak tamat latehan-nya yang di-kehendaki, atau pun ia tidak diberi sokongan untuk jawatan Timbalan Pengawal Perkhidmatan2 Bomba, maka ia akan di-tukarkan jawatan-nya balek ka-jawatan-nya yang lama itu, dengan terta'alok kepada persetujuan oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

Semua permohonan mesti-lah di-penuhi dalam borang2 yang boleh di-dapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei dan sampai kapada-nya tidak lewat daripada 25 April, 1966, melalui Ketua2 Jabatan masing2 yang di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai permohonan2 itu serta juga Penyata Perkhidmatan-nya yang lengkap hingga katarikh ia membuat permohonan.

Pembukaan Rasmi Persatuan "Ikls"

KAMPONG LORONG SEKUNA — Chegu Awang Hashim bin Haji Tahir, selaku Penasehat Persatuan Ikatan Kampong Lorong Sekuna, Kampong Ayer, Brunei telah merasmikan penubuhan Persatuan Ikatan Kampong Lorong Sekuna (IKLS), Brunei baru2 ini.

Berbagai2 acara telah di-adakan di-majlis tersebut, di-antara-nya ia-lah sa-buah derama berjudol "*Fajar Baru*", arahan Awang Ibrahim bin Haji Ismail.

Ramai para jemputan dan pendudok2 Kampong Lorong Sekuna telah hadir di-majlis tersebut.

Cheramah Guru² Ugama

BANDAR BRUNEI — Majlis cheramah Guru² Ugama di-Kelas Guru Daerah Brunei/Muara (Kelas Sabtu) yang dianjurkan oleh Guru² Ugama di-Kelas Guru Daerah Brunei/Muara, telah di-adakan pada hari Ahad 3 April, 1966 mulai jam 8-00 pagi, bertempat di-bangunan Madrasah berhadapan dengan Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Sa-belum di-adakan Cheramah yang bertajok "*Saikoloji Pendidekan*" di-cheramahkan oleh Dr. Badu Simandjuntak, Pengetua Sekolah Melayu Menengah Pertama, majlis pembukaan telah di-adakan pada pagi hari itu juga.

Di-antara tetamu yang di-undang khas ia-lah Dato' Pengetua Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Y.A.M. Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, Awang Haji Md. Zain bin Haji Seruddin, Setia Usaha Pejabat Hal Ehwal Ugama Brunei, Dr. Badu Simandjuntak; Pemereksa kanan Sekolah² Ugama Brunei, Nadzir Sekolah² Ugama Daerah Brunei/Muara, dan ramai lagi jemputan² khas.

Turut juga memberikan ucapan dalam majlis itu ia-

PENYAMPAIAN HADIAH PERADUAN CHERPEN

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil telah menyampaikan hadiah² kepada Cherpenis² yang berjaya dalam Peraduan Mengarang Chermen Untuk Bachaan Kanak² di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada 8 April, 1966.

Keputusan peraduan Mengarang Chermen itu ada-lah seperti berikut: *Johan* — Awang Masri bin Md. Yakit (Penuntut Tahun II, Maktab Perguruan Melayu Brunei). *Naib Johan* — Chegu Awang Leman bin Ahmad (Pensharah Bahasa Melayu di-Maktab Perguruan Melayu Brunei). *Pemenang Ketiga* — Awang Hashim bin Ahmad (Penuntut Tahun II, Maktab Perguruan Melayu Brunei). *Hadiah Saguhati*: 1. Awang Zulkiflee bin Abdul Latiff; 2. Awang Muhammad bin Jambol; 3. Awang Ibrahim bin Muhammad dan 4. Awang Abdul Karim bin Md. Salleh.

lah Setia Usaha Pejabat Hal Ehwal Ugama; Awang Hj. Md. Zain bin Haji Seruddin, Pemereksa Sekolah² Ugama Daerah Brunei/Muara, Awang Abd. Rahman Khatib Abdullah, Pengerusi Mejlis Cheramah Guru² Ugama di-Kelas Guru Daerah Brunei/Muara, Ak. Badaruddin Peng. Haji Damit, dan Setia Usaha Mejlis Cheramah, Awang Ahmad Abd. Rahman.

PEMBUKAAN RASMI KELAS DEWASA UGAMA KAMPONG BAKIAU

BANDAR BRUNEI. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin akan merasmikan pembukaan Kelas Dewasa Ugama Kampung Bakiau, Lamunin di-Daerah Tutong pada petang hari Juma'at 15 April, 1966.

Majlis itu akan di-mulai dengan persembahan Panchak Silat dan Gendang serta dituruti dengan istiadat menaik-kan Bendera Negeri Brunei.

BOLA SEPAK ANTARA PERSATUAN²

BANDAR BRUNEI. — Satu perlawanan bola sepak antara persatuan² Belia di-negeri ini akan di-adakan pada awal bulan Mei, 1966.

Perlawanan tersebut ada-lah anjoran Majlis Pemuda Pemuda Negeri Brunei dan di-kelolakan oleh Persatuan Pemuda Pemuda Kampung Sumbiling sa-buah persatuan belia yang bergerak chergas dalam permainan bola-sepak.

Perlawanan itu nanti ada-lah terbuka kepada semua Belia² dan Persatuan² yang menggabungkan diri dalam Majlis Pemuda Pemuda Negeri Brunei.

Sa-buah perisai hadiah dari Penolong Menteri Kebajikan Masyarakat dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohammad Yusuf bin Pengiran Mohammad Limbang akan menjadi perisai rebutan pada tiap² tahun bagi perlawanan tersebut.

Sa-biji piala perak yang berharga \$500.00 hadiah dari Persatuan Penuntut² Brunei di-United Kingdom akan juga menjadi piala rebutan.

KENAIKAN HARGA BARANG²

(Dari Muka 1)

1. Baharu² ini adakah harga² barang makanan atau perkakas seperti meja, kerusi dan tilam dan bermacam barang makan-an chukai-nya melambong tinggi? Kalau tidak apakah sebab-nya orang² China dengan sasuka hati-nya menaikkan harga barang² yang di-kedai, sedangkan Kerajaan ada mempunyai undang² Pelembagaan;
2. Kalau tidak sa-harus-nya Kerajaan mengambil langkah yang demikian dengan chergas supaya mengikhtirakan dan meng-usahakan perkara sudah terjadi ini supaya ra'ayat mendapat keselamatan dan keamanan menjauhkan kachau bilau;
3. Supaya Pegawai Daerah dan negeri bermufakat mengatasi masa'alah ini yang sudah terjadi di-dalam Brunei.

So'alan² yang di-kemukakan oleh Yang Mulia Pengiran Mohammed bin Pengiran Lahab berbunyi: —

1. Dalam soal harga barang² keperluan sa-hari² di-kedai² dalam Daerah Brunei dan Muara ada-lah sangat² mendukachitakan, kerana harga yang di-dapati pada tiap² sa-buah kedai berlainan kadang² ada harga

lebih tinggi di-dapati daripada kedai² yang lain. Dalam perkara ini ada-kah Kerajaan menyedari, dan apa-kah sebab²-nya demikian?;

2. Mengapa dalam masa dua bulan kebelakangan hingga masa ini harga barang² di-kedai² dalam Daerah Brunei dan Muara sangat mahal dari harga sa-belum ini?;
3. Dalam Persidangan yang kedelapan Majlis ini telah pun mengemukakan Soalan Mulut dari sa'ah sa-orang wakil dalam Daerah ini berkenaan dengan ketinggian harga barang² makan keperluan sehari² yang ada berjual di-Pasar Besar Bandar Brunei. Dalam perkara ini Kerajaan telah memberi jawapan; Hal ini ada-lah di-sedari oleh Kerajaan, dan Kerajaan berikhtiar untuk mengatasi masa'alah ini. Tetapi hingga masa ini belum ada kesan² tindakan Kerajaan dalam perkara ini, apakah halangan yang menyebabkan Kerajaan tidak dapat bertindak untuk mengatasi dalam perkara ini?

JAWAPAN KERAJAAN

Mengenai semua 10 so'alan² tersebut, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar menjawab bahawa Kerajaan telah pun mengadakan satu Badan untuk memberi laporan kepada Kerajaan dan yang mana Badan ini sedang menjalankan tugas-nya.

Lawatan Pegawai Kebajikan Masharakat Negara

(Dari Muka 1)

Awang Salleh menyatakan demikian ketika mengadakan lawatan ka-Kampung² Danau dan Telisai dalam Daerah Tutong pada 9 April, 1966 yang lalu dalam ranchangan jabatan-nya untuk memberi penerangan kepada penduduk² negeri ini mengenai tugas yang di-pikul oleh Jabatan Kebajikan Masharakat Negara.

Beliau juga mengingatkan kepada penduduk² di-kampung² itu supaya sentiasa mengamalkan perasaan bantu membantu antara satu dengan yang lain dan berikhtiar menyekat sa-barang anasir² yang ingin merosak.

Menyebut mengenai kewajipan Jabatan Kebajikan Masharakat, Awang Salleh menyatakan bahawa

bukan-lah tujuan jabatan-nya untuk memberi bantuan kepada penduduk² yang di-timpa malang sa-chara meluas dan terus-menerus.

Apa yang di-perlukan dalam masa'alah memberi bantuan ini, kata-nya, ia-lah di-lihat dari bentuk malang yang di-deritai oleh sa-satu keluarga itu.

Beliau juga menegaskan bahawa dasar tujuan Jabatan Kebajikan Masharakat ia-lah bertindak sa-bagai sa-buah jabatan yang berusaha mengurangkan kesusahan yang di-deritai oleh penduduk negeri.

Kata-nya, dalam tahun yang lalu kira2 200 keluarga di-seluruh negeri ini telah di-beri bantuan barang² makanan ketika keluarga² tersebut di-ishtiharkan sa-bagai orang² yang di-kenakan kurantin sa-waktu wabak kolera menyerang negeri ini.

Awang Salleh juga menyebutkan tentang orang² yang menerima bantuan yang telah menyalah gunakan bantuan itu dari tujuan asal Kerajaan.



"SEA EXPRESS", demikian-lah nama kapal ini yang telah tiba di-perayeran Brunei pada hari Sabtu 9 April, 1966 dan merapat di-Tambatan Kastam Diraja Bandar Brunei pada tengah hari tersebut. Ini-lah kali kedua kapal ini tiba di-Bandar Brunei. Kapal ini, ia-itu sebuah kapal muatan barang², panjang-nya 258 kaki dan berat-nya

1,600 tan. Jika di-bandingkan di-antara berat kapal ini dengan berat-nya kapal² besar yang telah tiba di-Pelabuhan Bandar Brunei dan rapat di-Tambatan Kastam Diraja, Bandar Brunei kapal ini ada-lah lebih berat lagi daripada kapal² itu, yang kebanyakan berat-nya, ia-lah kira2 1,000 tan, sa-buah.

SOKAN SEKOLAH² MELAYU BAHAGIAN BRUNEI I

Johan - S.M.J A. Naib-nya - S.M.L.M.

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam telah berjaya menjadi Johan dalam temasha Sokan Tahunan Sekolah² Melayu Bahagian Brunei Satu yang telah di-langsungkan di-Padang Sekolah Melayu S.M.J.A. pada sa-panjang hari Ithnin 11 April, 1966.

Sokan tersebut di-mulai dengan semua peserta² berbaris keliling padang sambil memberi Tabek kepada Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar.

Nadzir Kanan Sekolah² Melayu Negeri Brunei, Awang Md. Daud bin Serudin telah menyampaikan hadiah² rebutan kepada pemenang² sa-lepas pertandingan sokan itu.

Keputusan temasha sokan tersebut ada-lah seperti berikut: —

Johan — Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam — 167 mata. *Naib Johan* — Sekolah Melayu Lela Menchanai — 104 mata. *Ketiga* — Sekolah Melayu Pintu Malim — 40 mata. *Ke-empat* Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah — 26 mata dan *Kelima* — Sekolah Melayu Sungai Kebun — 10 mata.